



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 3 July 2015     |

# Beza pendapat bukan masalah

Um - 3/7/2015

**SHAH ALAM 2 Julai** - Perbezaan pendapat dalam sesuatu isu tidak dianggap sebagai masalah selagi pandangan itu berasaskan kepada kesahihan dan fakta yang benar, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, perbezaan pandangan itu merupakan satu perkara yang amat dialu-alukan dalam sistem demokrasi lebih-lebih lagi bersifat konstruktif yang menjurus kepada pembentukan persepsi positif.

"Namun, yang menjadi masalah adalah pandangan tanpa fakta apatah lagi menyebarkan berita atau pendapat yang boleh menimbulkan keraguan dan keyakinan," katanya ketika berucap dalam majlis terbuka puasa bersama media di Kompleks Media Karangkrak, Seksyen 15 di sini hari ini.

Yang turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk

Seri Ahmad Shabery Cheek.

Selain itu, turut sama Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkrak, Datuk Hussamudin Yaacob; Timbalan Pengerusi Kumpulan Media Karangkrak, Mohd. Nasir Hamzah; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak; timbalannya, Datuk Othman Mohamad; Penolong Ketua Pengarang 1, Datuk Zaini Hassan; Pengarang *Kosmo!*, Datuk Baharom Mahusin; Pengarang Urusan Kumpulan (Berita dan Hal Ehwal Semasa) Media Prima Bhd., Datuk Seri Mohd. Ashraf Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd., Datuk Muhammad Azlan Abdullah.

Najib menambah, situasi penyebaran maklumat ketika ini dilihat mencabar khususnya kepada pengamal media berikutan masing-masing berlumba-lumba menjadi yang pertama dalam mewujudkan


persepsi masyarakat yang lebih dikenali sebagai 'viral', namun ini tidak ditentukan dengan kesahihan dan ketetapan sesuatu berita itu.

"Soal kesahihan berita adalah soal kedua, asalkan dapat menjadi yang pertama menyebarkan berita.

"Apabila terbentuk persepsi, nak kikis amat sukar sekali seperti yang berlaku pada pilihan raya umum lalu yang kononnya 40,000 warga Bangladesh menunggu untuk mengundi BN (Barisan Nasional)," jelasnya.

Kedaaan itu menurut Najib adalah tidak munasabah kerana untuk membawa jumlah orang sedemikian memerlukan 1,000 pesawat penumpang saiz Jumbo.

Tegas Najib lagi, penyebaran maklumat tidak berasas juga turut melibatkan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kononnya menggunakan wang Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) untuk menyelamatkan syarikat itu.



NAJIB TUN RAZAK bersama Hussamudin Yaacob (dua dari kanan) menunaikan solat maghrib di Masjid Kompleks Kumpulan Media Karangkrak selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Media di Seksyen 15, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH